

27 JUN 2000

OIC-Syed Hamid/I

JANGAN KAITKAN PEMBEBASAN TEBUSAN DENGAN PERKARA LAIN, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Pembebasan baki lapan warga Malaysia yang masih ditahan oleh kumpulan bersenjata di Pulau Jolo di selatan Filipina tidak harus dikaitkan dengan perkara-perkara yang tiada kaitan, kata Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar hari ini.

Mengulas mengenai laporan akhbar hari ini yang penculik-penculik menuntut supaya seorang lelaki Filipina berusia 85-tahun yang kini menjalani hukuman di Penjara Kota Kinabalu dibebaskan jika mahu lapan rakyat Malaysia yang ditahan itu dibebaskan, Syed Hamid berkata perkara itu tidak berkaitan.

"Saya rasa ia isu berasingan...Saya tidak tahu mengapa kita perlu adakan pertukaran," kata beliau kepada pemberita selepas sesi ke 27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini.

Menteri itu berkata, kenyataan-kenyataan yang dibuat dalam akhbar-akhbar perlu diperiksa terlebih dahulu.

Dilaporkan salah seorang daripada ketua kumpulan penculik itu, Galib Andang, dalam mesej yang direkodkan telah menuntut pembebasan Mohamad Aklan yang sedang menjalani hukuman penjara kerana kesalahan memiliki senjata api.

Menurut laporan itu, Mohamad dipercayai antara pemimpin kanan satu daripada kumpulan sampingan Barisan Kebangsaan Pembebasan Moro (MNLF).

Syed Hamid berkata di Malaysia, warga asing dipenjarakan kerana terlibat dalam jenayah dan bukan atas sebab-sebab politik.

Dengan berkata seseorang yang dijatuhkan hukuman oleh mahkamah hanya menjalani proses undang-undang, Menteri itu berkata beliau tidak dapat melihat kaitan antara tebusan Malaysia dan pembebasan Mohamad Aklan.

Beliau juga berkata, di sebalik membuat tuntutan, adalah lebih penting bagi pihak-pihak terbabit untuk menjalankan rundingan dalam cara terbaik untuk membebaskan semua rakyat Malaysia dan 12 lagi warga asing yang diculik dari Pulau Sipadan pada 23 April lepas dan dibawa ke Pulau Jolo di selatan Filipina.

Hujung minggu lepas, kumpulan penculik itu membebaskan satu daripada sembilan rakyat Malaysia yang diculik, iaitu renjer Jabatan Hidupan Liar Sabah Zulkarnain Hashim yang kini telahpun kembali ke pangkuan keluarga.

-- BERNAMA

MAD MAM PR